

## ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

# PEMERIKSAAN DAGING

No Dokumentasi: APTVM 23(f):1/2013

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

---

### ISI KANDUNGAN

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinor Malaysia	2
1.0 Pengenalan	2
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	3
4.0 Rujukan	3
5.0 Definisi	4
6.0 Kata Singkatan	4
7.0 Arahan Prosedur Tetap Pemeriksaan Daging	5
8.0 Prosedur Pemeriksaan Daging	6
9.0 Rekod	7
10.0 Pengkatan Data	9
Lampiran 1 : Kategori Tempat Sembelih dan Pemeriksaan Daging	10
Lampiran 2a : Deklarasi Kesihatan Ternakan (Ayam)	11
Lampiran 2b : Deklarasi Kesihatan Ternakan (Babi)	13
Lampiran 3 : Senarai Semak Pemeriksaan Daging	15
Lampiran 4 : Proses Kerja Pemeriksaan Daging	18
Lampiran 5 : Carla Aliran Pemeriksaan Daging	19
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pemeriksaan Daging	20

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pemeriksaan daging di abatoir dan loji pemerosesan unggas merupakan sebahagian daripada perkhidmatan pemeriksaan veterinar yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Pemeriksaan ini untuk memastikan daging yang dikeluarkan dari abatoir dan loji pemerosesan unggas selamat untuk pengguna.

Prosedur pemeriksaan daging ini hendaklah melibatkan aktiviti ante-mortem dan post mortem pada sebelum dan selepas sembelih, memastikan pematuhan kepada Amalan Kebersihan Veterinar yang Baik (GVHP), skim akreditasi, perlesenan serta segala peraturan berkaitan. Proses pemeriksaan daging yang teratur boleh membantu datam menjadi asas pengisytiharan bebas penyakit serta dapat menjamin keutuhan persijilan veterinar yang dikeluarkan oleh Jabatan.

Perkhidmatan ini, walaupun diselaraskan oleh Seksyen Pemeriksaan Veterinar, namun tugasnya melibatkan semua Pihak Berkuasa Veterinar, Veterinawan Bertauliah dan Pemeriksa Daging Bertauliah yang ditantik. Semua Pemeriksa Daging perlu mematuhi kepada Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 dan peraturan jabatan berkaitan semasa menjalankan tugas. Pemeriksa Daging samada di peringkat negeri, persekutuan atau mereka yang diberi tauliah hendaklah dalam masa yang sama melakukan aktiviti pensampelan bagi memantau keselamatan makanan hasilan ternakan berdasarkan daging dan surveansi penyakit.

Demi untuk memastikan perkhidmatan pemeriksaan daging yang diberikan bermanfaat kepada industri ternakan serta pemerosesan makanan, semua pihak yang terlibat perlulah mematuhi suatu prosedur kerja yang seragam. Tugas tersebut perlulah direkodkan dengan sempurna hingga mampu menjadi bukti asas kepada penerbitan dokumen veterinar dan sijil veterinary yang berwibawa.

Selaras dengan usaha memperbaiki sistem penyampaian serta memperkuatkan perkhidmatan dan meningkatkan ketelusan dan keutuhannya, maka dikeluarkan APTVM Pemeriksaan Daging ini. Dengan ini diarahkan kepada semua Pihak Berkuasa Veterinar, Pemeriksa Daging Bertauliah dan Veterinawan Bertauliah yang menjalankan pemeriksaan daging untuk mengikuti garis panduan dalam APTVM ini.

**DATUK DR. ABD AZIZ BIN JAMALUDDIN**

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

---

## **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**

### **PEMERIKSAAN DAGING**

#### **1.0 PENGENALAN**

Prosedur pemeriksaan daging oleh Pihak Berkuasa Veterinar (PBV), Pemeriksa Daging Bertauliah (PDB) dan Veterinawan Bertauliah (VB) bertujuan untuk memastikan hanya

daging yang bersih, suci dan selamat dibenar untuk dijadikan makanan. Pemeriksaan daging melalui prosedur pemeriksaan ante-mortem dan post mortem dijalankan untuk memastikan tahap kesihatan dan kebajikan haiwan yang layak disembelih dan untuk memantau status penyakit melalui abattoir. Pemeriksaan ini juga bertujuan untuk memantau keselamatan makanan berasas daging. Untuk itu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menetapkan pengusaha abattoir agar sentiasa mengamalkan Amalan Kebersihan Veterinar yang Baik (GVHP) agar keselamatan dan kualiti daging terjamin serta mematuhi piawaian kebajikan haiwan. Sementara itu DVS menjadikan pemeriksaan ini asas dalam urusan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) bagi produk haiwan.

## **2.0      OBJEKTIF**

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) int bertujuan untuk:

- 2.1      Menyediakan prosedur seragam bagi Pihak Berkuasa Veterinar, Pemeriksa Daging Bertauliah dan Veterinawan Bertauliah untuk menjalankan pemeriksaan daging
- 2.2      Untuk menyelaraskan perkhidmatan pemeriksaan daging dengan perkhidmatan veterinar di lapangan dan prosedur lain yang berkaitan.
- 2.3      Untuk menjamin keutuhan dan ketelusan persijilan veterinar terutama Sijil Kesihatan Veterinar untuk dalam negara dan eksport agar memenuhi syarat dan piawaian yang ditetapkan.

## **3.0      SKOP**

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia bagi Pemeriksaan Daging ini meliputi penjelasan definisi, arahan dan prosedur pemeriksaan daging.

## **4.0      RUJUKAN**

- 4.1      GVHP (Amalan Kebersihan Veterinar yang Baik).
- 4.2      Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar.
- 4.3      Akta Binatang 1953 (Akta 647).
  - 4.3.1 SubSeksyen 18(1), (2)      - pemeriksaan penyakit
  - 4.3.2 SubSeksyen 21(1)      - pemeriksaan post mortem
- 4.4      Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985 .
- 4.5      Code of Veterinary Practices for Poultry Slaughter Plant (VHM 1 - JPVM).
- 4.6      Code of Veterinary Practices for Small Poultry Slaughter House (VHM 8 - JPVM).
- 4.7      Codex Basic Food Hygiene.
- 4.8      Malaysian Standard MS 1514:2009. Good Manufacturing Practice (GMP) for Food (First Revision).

- 4.9 Manual Pemeriksaan Daging
  - Unggas (Ayam)
  - Ruminan Besar
  - Babi
- 4.10 APTVM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.
- 4.11 APTVM Pemeriksa Daging Bertauliah.
- 4.12 OIE Terrestrial Animal Health Code.

## 5.0 DEFINISI

### 5.1 *Pemeriksa Daging*

Pihak Berkuasa Veterinar, Pemeriksa Daging Bertauliah dan Veterinawan Bertauliah yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia bagi menjalankan tugas pemeriksaan daging.

### 5.2 *Pihak Berkuasa Veterinar*

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Akta 647).

### 5.3 *Veterinawan Bertauliah*

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta didaftarkan dengan DVS, bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop, tanggungjawab dan arahan adalah seperti dalam APVTM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.

### 5.4 *Abattoir*

Premis berlesen, loji, rumah sembelih kerajaan atau swasta atau Pihak Berkuasa Tempatan atau tempat di mana aktiviti penyembelihan dan pemprosesan dilakukan terhadap ternakan ruminan, unggas dan babi.

## 6.0 KATA SINGKATAN

- 6.1 ADIC - Animal Disease Information Centre
- 6.2 AM - Ante-mortem

6.3	AKS	- Akuan Kebenaran Sembelih
6.4	APTVM	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
6.5	APTVM-PD	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
6.6	DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
6.7	GPS	- Global Positioning System
6.8	GMP	- Good Manufacturing Practices
6.9	GVHP	- Good Veterinary Hygienic Practice
6.10	HACCP	- Hazard Analysis Critical Control Points
6.11	ID	- Identification Number
6.12	J/B	- Jantan/Betina
6.13	KAV	- Kesihatan Awam Veterinar
6.14	OIE	- World Organisation for Animal Health
6.15	PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
6.16	PD	- Pemeriksa Daging
6.17	PDB	- Pemeriksa Daging Bertauliah
6.18	PPVD	- Pegawai Pejabat Veterinar Daerah
6.19	PM	- Post mortem
6.20	RFID	- Radio Frequency Identification
6.21	SKV	- Sijil Kesihatan Veterinar
6.22	SPV	- Seksyen Pemeriksaan Veterinar
6.23	VB	- Veterinawan Bertauliah
6.24	VHM	- Veterinary Health Mark

## **7.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PEMERIKSAAN DAGING**

- 7.1 APTVM-PD ini meliputi semua pemeriksaan daging di seluruh Malaysia mengikut kategori seperti Lampiran 1.
- 7.2 Semua ternakan yang disembelih untuk tujuan adat, sembelihan setempat, sembelihan di abattoir Jabatan, di semua abattoir yang dilesenkan, abattoir atau loji pemprosesan berstatus VHM dan abattoir luar negara mestilah dikenakan pemeriksaan daging sebelumhasilan dagingnya boleh disahkan sebagai selamat untuk dimakan.

- 7.3 Semua ternakan yang disembelih termasuklah penyembelihan kecemasan atau penyembelihan disebabkan pembasmian penyakit mestilah mendapatkan AKS atau permit sembelih dan mematuhi APTVM Kebenaran Sembelih.
- 7.4 Semua ternakan yang hendak disembelih hendaklah diangkut dengan sempurna mematuhi piawaian kebajikan haiwan.
- 7.5 Semua prosedur penyembelihan yang akan dijalankan hendaklah mematuhi piawaian kebajikan haiwan.
- 7.6 Tugas PD boleh juga dibuat oleh PDB atau VB mengikut APTVM berkenaan.
- 7.7 Tugas pemeriksaan daging menjadi tanggungjawab kepada PBV, PDB atau VB yang menerima perlantikan sebagai Pemeriksa Daging.
- 7.8 Seksyen Pemeriksaan Veterinar (SPV) bertanggungjawab sebagai penyelaras pemeriksaan daging seluruh Malaysia.
- 7.9 Seksyen Pengurusan Abatoir bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan APTVM-PD di semua abatoir DVS.
- 7.10 Semua daging yang tidak diperiksa mengikut APTVM-PD atau gagal menunjukkan buktinya samada melalui tanda legenda, tanda selar, tag atau SKV akan dianggap tidak selamat untuk dimakan dan akan dilupuskan melalui APTVM Penghapusan.
- 7.11 Semua PD yang menjalankan sebarang tugas pemeriksaan daging hendaklah merekod serta melaporkan kepada SPV menggunakan format yang ditentukan.
- 7.12 Pengusaha atau pemilik abatoir hendaklah bekerjasama dengan PD dengan menyediakan semua maklumat yang diperlukan dan memastikan maklumat tersebut sentiasa dikemaskini.
- 7.13 Pengusaha atau pemilik abatoir yang gagal memberi kerjasama akan diberi khidmat nasihat dan jika masih ingkar, PD boleh merujuk kepada penyelaras untuk tindakan selanjutnya.
- 7.14 Pemeriksaan daging di abatoir untuk tujuan eksport, hendaklah dijalankan mengikut APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar atau arahan dan kaedah berkenaan yang ditetapkan.
- 7.15 Semua abatoir atau loji luar negara yang akan mengeksport produknya ke Malaysia. hendaklah menjalankan pemeriksaan daging, pemeriksaan loji, pemantauan kebersihan dan keselamatan makan serta memiliki program jaminan kualiti yang setara dengan VHM.

## **8.0 PROSEDUR PEMERIKSAAN DAGING**

- 8.1 Seksyen Pemeriksaan Veterinar bertanggungjawab menyelaras dan menjadualkan perkhidmatan pemeriksaan daging dan pemeriksaan abatoir serta loji.
- 8.2 PBV atau VB yang bertauliah dan diarahkan hendaklah menjalankan pemeriksaan abatoir dan loji untuk memantau pengurusan kebersihan dan sanitasi di abatoir dan loji berkenaan.

- 8.3 PBV atau VB yang bertauliah hendaklah memastikan pematuhan Program Kepastian Kualiti ke atas abatoir dan loji pemprosesan berstatus VHM atau setaranya samada peringkat tempatan atau di luar negara.
- 8.4 Semua haiwan yang hendak disembelih samada untuk adat, sembelihan setempat, di semua abatoir DVS atau swasta yang dilesenkan serta abatoir dan loji pemprosesan berstatus VHM mestilah dipastikan nombor premis asalnya dan disertakan dengan Surat Akuan Kebenaran Sembelih (AKS) sebelum dibenarkan sembelih.
- 8.5 Setiap konsigmen digalak untuk disertakan dengan Deklarasi Kesihatan oleh veterinawan ladang (Lampiran 2a dan 2b). Deklarasi ini hendaklah mengandungi maklumat ternakan meliputi rekod kesihatan atau rawatan, vaksinasi dan tempoh penarikan antibiotik. Untuk penarikan antibiotik hendaklah menyatakan tarikh preskripsi, jenis antibiotik dan tarikh penarikan antibiotik yang disahkan veterinawan ladang.
- 8.6 Dalam keadaan berkaitan PD hendaklah memeriksa Deklarasi Kesihatan untuk pastikan samada tempoh penarikan dipatuhi. Ternakan yang belum dapat disahkan bebas residu hendaklah ditangguhkan penyembelihannya.
- 8.7 Semua pemeriksaan daging yang dilakukan oleh PD mestilah merangkumi ante-mortem dan post mortem.
- 8.8 Untuk sembelihan adat hendaklah dijalankan ante mortem dan digalak untuk menjalani pemeriksaan post mortem atas pertimbangan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berdasarkan situasi penyakit setempat.
- 8.9 Semasa pemeriksaan ante-mortem dijalankan, PD perlu pastikan maklumat ternakan mestilah selaras dengan permit atau AKS dan SKV serta patuh APTVM Kebenaran Sembelih sebelum ternakan dibenarkan untuk disembelih. Sekiranya terdapat perbezaan perkara itu hendaklah dimaklumkan kepada pihak pengeluar dokumen untuk tindakan susulan. Bahagian Penguatkuasa hendaklah dirujuk jika perlu.
- 8.10 PD hendaklah memastikan ternakan yang akan disembelih telah diangut sejajar dan mematuhi kebijakan haiwan sebelum dibenarkan untuk prosedur penyembelihan.
- 8.11 PD hendaklah memastikan prosedur penyembelihan yang dijalankan mematuhi piawaian kebijakan haiwan sebelum dibenarkan prosedur penyembelihan diteruskan.
- 8.12 PD hendaklah membuat penilaian terhadap setiap karkas yang diperiksa. Sebarang keputusan untuk sebarang kondemnasi ketika ante-mortem dan post mortem perlulah merujuk kepada Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985.
- 8.13 PD yang menjalankan pemeriksaan daging perlu mengambil sampel dengan merujuk kepada program pensampelan tahunan. PD dibolehkan mengambil sampel di luar program pensampelan jika diperlukan.
- 8.14 PD mestilah pastikan jenis sampel yang diambil sesuai dengan jenis ujian yang dikehendaki. PD juga perlu mengisi borang penghantaran sampel yang disediakan oleh makmal.
- 8.15 PD hendaklah menghantar sampel yang diambil ke Makmal Veterinar Kawasan atau Makmal Kesihatan Awam Veterinar untuk tujuan ujian dan sampel perlu dihantar dengan kadar yang segera sebaik sahaja sampel diambil.

- 8.16 Sebarang pengamatan yang disyaki sebagai Penyakit Wajib Lapor hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri dan ADIC dengan serta merta.
- 8.17 Seksyen Pemeriksaan Veterinar dan Seksyen Epidemiologi dan Survelans hendaklah memantau ke atas keputusan pemeriksaan dan persampelan, membuat dayajejak serta surveansi aktif ke atas premis disyaki sekiranya diperlukan. Indeks yang disahkan akan diuruskan dibawah APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.
- 8.18 Seksyen Pemeriksaan Veterinar dan Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam hendaklah memantau residu dan kontaminan dalam daging serta menjalankan dayajejak ke premis asal dan menguruskan kejadian di bawah Indeks KAV berpandukan APTVM Kesihatan Awam Veterinar.
- 8.19 Setiap karkas yang telah diperiksa hendaklah ditandakan dengan legenda pemeriksaan untuk menunjukkan daging atau karkas tersebut selamat untuk dimakan dan telah menjalani pemeriksaan. Selain daripada legenda pemeriksaan, penandaan tag dan penyertaan SKV juga dibolehkan.
- 8.20 Karkas atau organ yang dikondem Hendaklah ditegah sepenuhnya daripada digunakan sebagai makanan dan hendaklah dilupuskan mengikut APTVM Penghapusan.
- 8.21 Seksyen Pemeriksaan Veterinar hendaklah menyelaraskan dengan Seksyen Epidemiologi dan Survelans untuk menyediakan manual pensampelan tahunan kepada semua Pemeriksa Daging untuk tujuan pemantauan dan surveansi kesihatan haiwan dan zoonotik.
- 8.22 Seksyen Pemeriksaan Veterinar hendaklah menyelaras dengan Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam untuk menyediakan manual persampelan tahunan kepada semua PD untuk tujuan pemantauan residu dan kontaminan bagi keselamatan makanan dan kesihatan awam veterinar.
- 8.23 Semasa melakukan pemeriksaan daging di abattoir, PD hendaklah merujuk kepada senarai semak keperluan bagi pemeriksaan daging seperti di Lampiran 3.
- 8.24 PD hendaklah merujuk kepada proses kerja dan carta aliran kerja seperti di Lampiran 4 dan 5.

## **9.0 REKOD**

- 9.1 PD hendaklah merekodkan segala pengamatan ketika ante-mortem dan tindakan yang diambil.
- 9.2 PD hendaklah merekodkan kes penemuan lesi semasa post mortem.
- 9.3 PD juga hendaklah merekodkan kondemnasi serta pelupusan karkas dan organ yang dijalankan.
- 9.4 Keputusan sampel yang telah diterima dari Makmal Kesihatan Veterinar atau Makmal Veterinar Kawasan perlu direkodkan.
- 9.5 Semua catitan semasa pemeriksaan hendaklah direkodkan dan disimpan dalam sistem atau fail secara kemas dan terkini.
- 9.6 PD hendaklah menghantar laporan bulanan hasil pemeriksaan daging kepada SPV.

**10.0 PENGKALAN DATA**

- 10.1 Borang Pemeriksaan Daging yang berkaitan hendaklah dimuat naik ke dalam pengkalan data SPV secepat mungkin sebaik kembali ke pejabat.

**LAMPIRAN 1**

**KATEGORI TEMPAT SEMBELIH DAN PEMERIKSAAN DAGING**

Kategori	AKS	Pemeriksaan Daging	Pemeriksaan Abattoir dan Loji	Program Jaminan Kualiti	Kelayakan Jualan
Adat	✓	AM (PM)*	-	-	Guna sendiri
Setempat	✓	AM-PM	-	-	Jualan setempat
Abattoir / Dilesen	✓	AM-PM	✓	-	Jualan semua tempat
Abattoir / Loji VHM	✓	AM-PM	✓	✓	Eksport
Abattoir / Loji Luar Negera	**	AM-PM	✓	✓	Import

\* PM atas pertimbangan PPVD

\*\* Ikut peraturan negara berkenaan

**LAMPIRAN 2a**

Deklarasi Kesihatan Ternakan-DVS/BD/001			
 <b>DEKLARASI KESIHATAN TERNAKAN (AYAM)</b> 			
Nama Veterinawan Ladang & No. APC:	Alamat ladang:	No. Rujukan:	
		No. Tel:	
ID Premis:	No Fax:		
GPS:	Tarikh:		
Spesis: Ayam / Itik	Baka:	Umur:	
Bilangan ternakan:	Jenis Pemeliharaan : Terbuka / Tertutup	Kadar kematian:	
<b><u>UNTUK KEGUNAAN SEMBELIHAN</u></b>			
<b>Nama &amp; Alamat Rumah sembelih :</b>			
Vaksinasi yang telah dijalankan& tarikh dijalankan : Contoh: Bronkitis (1/1/2012), (Sila lampirkan dokumen berkaitan jika ada)			
<b>BAHAGIAN A - TEMPOH PENARIKBALIKAN RAWATAN</b>			
i. Adakah haiwan telah menerima apa-apa rawatan atau sedang dalam tempoh apa-apa jenis rawatan (ubat, antibiotik, dll)		Ya	Tidak
ii. Jika Ya, Sila nyatakan nama produk yang digunakan, tarikh preskripsi, kaedah rawatan, tarikh akhir penggunaan ubat dan tempoh penarikbalikan ubatan			

Nama Produk	Tarikh Preskripsi	Kaedah Rawatan	Tarikh Akhir Penggunaan Ubat	Tempoh Penarikbalikan
<b>BAHAGIAN B - BUTIRAN HAIWAN (MANAGEMENT HISTORY)</b>				
Pemakanan Haiwan	Sumber/Pembekal	Tempoh Pemberian		
i. Jenis Makanan/Kod makanan				
ii. Air				
<p>Deklarasi: Saya seperti nama di atas/individu yang bertanggungjawab terhadap ternakan ini mengesahkan yang saya telah membaca dan memahami keperluan Deklarasi Kesihatan Ternakan ini dan mengesahkan bahawa ternakan tersebut adalah sihat.</p>				
Tandatangan:	No. Telefon:			
Cop rasmi:	No. Fax:			
Tarikh:				
Nama Syarikat Pengangkutan:	No. Pendaftaran Kenderaan:			
Nama Pemandu:	Masa dipunggah:			
Tandatangan Pemandu:				

**LAMPIRAN 2b**

Deklarasi Kesihatan Ternakan-DVS/BD/001				
	<b>DEKLARASI KESIHATAN TERNAKAN (BABI)</b>			
Nama Veterinawan Ladang & No. APC:	Alamat ladang:	No. Rujukan:		
		No. Tel:		
	ID Premis:	No Fax:		
GPS:	Tarikh:			
<b><u>UNTUK KEGUNAAN SEMBELIHAN</u></b>				
Bilangan ternakan:	Pengenalan Ternakan (RFID/Tag Telinga): (sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)			
Nama & Alamat Rumah sembelih :				
Vaksinasi yang telah dijalankan& tarikh dijalankan : Contoh: Atrophic Rhinitis, (Sila lampirkan dokumen berkaitan jika ada)				
<b>BAHAGIAN A - TEMPOH PENARIKBALIKAN RAWATAN</b>				
i. Adakah haiwan telah menerima apa-apa rawatan atau sedang dalam tempoh apa-apa jenis rawatan (ubat, antibiotik, dll)		Ya	Tidak	
ii. Jika Ya, Sila nyatakan nama produk yang digunakan, tarikh preskripsi, kaedah rawatan, tarikh akhir penggunaan ubat dan tempoh penarikbalikan ubatan				
Nama Produk	Tarikh Preskripsi	Kaedah Rawatan	Tarikh Akhir Penggunaan Ubat	Tempoh Penarikbalikan

<b>BAHAGIAN B - BUTIRAN HAIWAN (MANAGEMENT HISTORY)</b>		
Pemakanan Haiwan	Sumber/Pembekal	Tempoh Pemberian
i. Jenis Makanan/Kod makanan		
ii. Air		
<p>Deklarasi: Saya seperti nama di atas/individu yang bertanggungjawab terhadap ternakan ini mengesahkan yang saya telah membaca dan memahami keperluan Deklarasi Kesihatan Ternakan ini dan mengesahkan bahawa ternakan tersebut adalah sihat.</p>		
Tandatangan:	No. Telefon:	
Cop rasmi:	No. Fax:	
Tarikh:		
Nama Syarikat Pengangkutan:	No. Pendaftaran Kenderaan:	
Nama Pemandu:	Masa dipunggah:	
Tandatangan Pemandu:		

LAMPIRAN 3

	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	
<b>SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN DAGING</b>		
<b>Tarikh Pemeriksaan:</b>	<b>Rujukan:</b>	
<b>Nama Premis:</b>	<b>Alamat Premis:</b>	
<b>No. Tel:</b>		
<b>Tujuan Sembelihan:</b> (Adat / Setempat / Loji Pemerosesan/Abattoir DVS/ Luar Negara)	<b>Tujuan Pemeriksaan:</b>	
<b>Pegawai Pemeriksa DVS:</b>  1.  2.	<b>Tandatangan:</b>	
<b>Ulasan Pemeriksa Daging:</b>		

Tandatangan Pemeriksa : \_\_\_\_\_

Cop: \_\_\_\_\_

Kriteria	Ada/ Tiada	Perkara yang Diperhati	Pemerhatian (Nyatakan Penemuan)
Akuan Kebenaran Sembelih	✓ / x	No. Akuan Kebenaran sembelih (AKS)	
Kebajikan Haiwan	✓ / x	Pengangkutan	
		Prosedur penyembelihan	
Pemeriksaan Ante-Mortem	✓ / x	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simptom-simptom ante-mortem yang menunjukkan penyakit boleh menjangkiti manusia</li> </ul>	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simptom- simptom yang menunjukkan kesan pada daging yang menyebabkan tidak sesuai utk dimakan</li> </ul>	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merujuk kepada:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Postur badan</li> <li>Kepala</li> <li>Otot</li> <li>Kaki</li> <li>Bulu</li> <li>Pigmentasi</li> <li>Selera makan dan minum</li> <li>Pernafasan</li> <li>Bahan kumuh/ tinja</li> </ol> </li> </ul>	

Pemeriksaan Post Mortem	✓ / x	Merujuk kepada lesi pada organ-organ dalam: a) sistem peredaran darah, b) sistem saraf, c) mata dan telinga, d) sistem pernafasan, e) sistem otot, f) sistem pencernaan, g) sistem peranakan, dan h) sistem perkumuhan (urinari)	
Pemeriksaan kebersihan dan sanitasi	✓ / x	Peralatan, Program sanitasi, Perlaksanaan dan Penyenggaraan	
**Program Kepastian Kualiti (HACCP/GMP)	✓ / x	Manual HACCP dan Implementasi HACCP	
Pengambilan sampel	sekiranya perlu	Jenis ujian/sampel yang diambil: a) Patogen b) Antibiotik residu	

\*\* Pemeriksaan hanya pada loji pemprosesan yang berstatus VHM dan Loji Luar Negara.


**LAMPIRAN 4**

**PROSES KERJA PEMERIKSAAN DAGING**

Jawatan	Proses Kerja
Pemeriksa Daging (Ante-mortem)	Terima dan semak dokumen Akuan Kebenaran Sembelih. Rekod pendaftaran ternakan masuk
Pemeriksa Daging (Ante-mortem)	Jalankan Pemeriksaan ante-mortem (mengikut prosedur Manual Pemeriksaan Ayam DVS dan Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985)
Pemeriksa Daging (Ante-mortem)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kondemnasi karkas jika perlu</li><li>- Catat keputusan dalam senarai semak pemeriksaan Ante-mortem</li></ul>
Pemeriksa Daging (Post mortem)	Jalankan pemeriksaan post mortem (mengikut prosesfur Manual Pemeriksaan Ayam DVS dan Meat Inspection Rules 1985)
Pemeriksa Daging (Post mortem)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kondemnasi karkas atau organ jika perlu</li><li>- Catat keputusan dalam senarai semak pemeriksaan post mortem</li></ul>
Pemeriksa Daging	Ambil sampel sekiranya perlu
Pemeriksa Daging	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Pemantauan kebersihan dan sanitasi loji</li><li>ii. Pemeriksaan Program HACCP loji sekiranya berkaitan</li></ul>

**LAMPIRAN 5**

**CARTA ALIR PEMERIKSAAN DAGING**



**JAWATANKUASA PENYEDIAAN**  
**ARAHAH PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**  
**PEMERIKSAAN DAGING**

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamed Azmie bin Zakaria**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Disediakan oleh : **Timbalan Pengarah / Ketua Seksyen**  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

**Dr. Rohana binti Abu Bakar**  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar

**Dr. Che Zalina binti Mohd Zaid**  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam

**Dr. Rohaizan binti Mohd Anuar**  
Penolong Pengarah  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar

**Dr. Syuhada binti Ahmad Kamil**  
Penolong Pengarah  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar

**En. Ahmad Daud bin Ramtan**  
Penolong Pegawai Veterinar  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar

**En. Muhamad Hazmi bin Yaacob**  
Penolong Pegawai Veterinar  
Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam